



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN KETUA PENGARAH
HASIL DALAM NEGERI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI
PENDAPATAN 1967 BAGI TABUNG KEBAJIKAN HOSPITAL AWAM,
HOSPITAL SWASTA DAN HOSPITAL PENGAJAR**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
A	KRITERIA KELAYAKAN DAN PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP	
1.	Pendahuluan	1
2.	Kriteria dan Syarat-Syarat Kelayakan Tabung Kebajikan Hospital untuk Permohonan Kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP	2
3.	Prosedur Permohonan oleh Jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital untuk Kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP	11
B	KEWAJIPAN JAWATANKUASA TABUNG KEBAJIKAN HOSPITAL SETELAH MENDAPAT KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP	
4.	Tanggungjawab Jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital Setelah Mendapat Kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP	13
5.	Pembubaran Tabung Kebajikan Hospital	20
6.	Kesan Pelanggaran Syarat-syarat Kelulusan oleh Tabung Kebajikan Hospital di Bawah Subseksyen 44(6) ACP	20
7.	Tempoh Masa Kelulusan dan Permohonan Lanjutan Tempoh Kelulusan Tabung Kebajikan Hospital di Bawah Subseksyen 44(6) ACP	21
8.	Punca Kuasa KPHDN ke atas Kelulusan dan Pengenaan Syarat-Syarat serta Larangan Kelulusan di Bawah Subseksyen 44(6) ACP	22
9.	Layanan Cukai ke atas Penderma TPRI Yang Diluluskan di Bawah Subseksyen 44(6) ACP	22
10.	Peringatan Penting	23



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

GARIS PANDUAN KETUA PENGARAH

Seksyen 134A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Garis Panduan yang Ketua Pengarah fikirkan sesuai atau perlu.

Garis Panduan diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia memperuntukkan penjelasan Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai atau memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengannya.

Ketua Pengarah boleh membatalkan, menyemak atau meminda keseluruhan atau sebahagian daripada Garis Panduan ini dengan penerbitan Garis Panduan yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

A. KRITERIA KELAYAKAN DAN PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP

1. PENDAHULUAN

1.1 Garis panduan ini bertujuan menerangkan prosedur permohonan untuk kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) bagi Tabung Kebajikan Hospital berikut:-

- a. Tabung Kebajikan Hospital Awam;
- b. Tabung Kebajikan Hospital Swasta; dan
- c. Tabung Kebajikan Hospital Pengajar.

Bagi maksud garis panduan ini, terma “Tabung Kebajikan Hospital” hendaklah dirujuk sebagai terma yang merangkumi Tabung Kebajikan Hospital Awam, Tabung Kebajikan Hospital Swasta dan Tabung Kebajikan Hospital Pengajar.

1.2 Garis panduan ini menggantikan Garis Panduan Permohonan untuk Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi Tabung Kebajikan Hospital Awam, Hospital Swasta dan Hospital Pengajar yang dikeluarkan pada 28 Mac 2023.

1.3 Garis panduan ini menerangkan:-

- a. Kriteria dan syarat-syarat kelayakan Tabung Kebajikan Hospital untuk permohonan kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP;
- b. Prosedur permohonan oleh Jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital untuk kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP;
- c. Tanggungjawab Jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital setelah mendapat kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP;
- d. Kesan pelanggaran syarat-syarat kelulusan oleh Tabung Kebajikan Hospital yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(6) ACP;
- e. Tempoh masa kelulusan dan permohonan lanjutan tempoh kelulusan oleh Tabung Kebajikan Hospital yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(6) ACP;

- f. Punca kuasa KPHDN ke atas kelulusan serta pengenaan syarat-syarat dan larangan kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP; dan
- g. Layanan cukai ke atas penderma kepada Tabung Kebajikan Hospital yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(6) ACP.

2. KRITERIA DAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN TABUNG KEBAJIKAN HOSPITAL UNTUK PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP

2.1 Objektif

- 2.1.1 Tabung Kebajikan Hospital hendaklah ditubuhkan di Malaysia oleh hospital berkaitan yang layak sebagai alternatif untuk mendapatkan dana awam bagi membantu golongan sasaran ataupun golongan yang kurang berkemampuan tanpa mengira kaum agama dan keturunan untuk membiayai:-
 - a. Sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan termasuk diagnosis;
 - b. Kos peralatan perubatan;
 - c. Kos peralatan rehabilitasi;
 - d. Kos ubat-ubatan; dan
 - e. Kos bagi lain-lain aktiviti kebajikan seperti pemeriksaan kesihatan percuma kepada orang awam, lawatan berkala ke rumah penjagaan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuk kos berkaitan penambahbaikan perkhidmatan kepada sukarelawan dan tenaga kerja yang terlibat dengan kos yang dibenarkan secara bertulis;
- 2.1.2 Tabung Kebajikan Hospital yang ditubuhkan hendaklah tidak bertujuan mencari keuntungan.
- 2.1.3 Definisi golongan sasaran atau golongan yang kurang berkemampuan adalah berasaskan kriteria seperti berikut:-
 - a. Warganegara Malaysia;
 - b. Pendapatan boleh guna yang dikategori sebagai tidak boleh menampung perbelanjaan bil hospital; dan

- c. Pesakit yang menerima apa-apa perkhidmatan jagaan kesihatan.

2.1.4 Walau bagaimanapun, tidak melebihi 20% daripada sumbangan yang diterima oleh Tabung Kebajikan Hospital dibenarkan bagi tujuan membantu bukan warganegara yang memerlukan bantuan rawatan dan perubatan, atas dasar kemanusiaan.

2.2 Penubuhan Tabung Kebajikan Hospital

2.2.1 Jenis Tabung Kebajikan Hospital yang boleh ditubuhkan adalah seperti berikut:-

a. Tabung Kebajikan Hospital Awam:

- Tabung hendaklah ditubuhkan oleh hospital awam; dan
- Objektif penubuhan tabung hendaklah selaras dengan Garis Panduan Permohonan Bantuan Tabung Perubatan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang terpakai dalam tahun semasa.

b. Tabung Kebajikan Hospital Swasta:

- (i) Tabung yang ditubuhkan oleh hospital swasta yang berdaftar sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*]:
- Hospital swasta yang layak adalah hospital yang memiliki Lesen Untuk Mengendalikan Atau Menyediakan Kemudahan Atau Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Borang 4 / Borang 7) bawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*] yang sah laku; dan
 - Penubuhan tabung hendaklah selaras dengan peruntukan Seksyen 105 Akta 586, Jadual Ketiga Belas, Peraturan-Peraturan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Lain) 2006 [P.U.(A) 138 / 2006].
- (ii) Tabung yang ditubuhkan oleh hospital swasta yang berdaftar sebagai Syarikat Berhad Menurut Saham (CLBS) di bawah Akta 777 [Berkuat kuasa mulai Tahun Taksiran 2026]:

- Hospital swasta yang layak adalah hospital yang memiliki Lesen Untuk Mengendalikan Atau Menyediakan Kemudahan Atau Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Borang 4 / Borang 7) bawah Akta 586 yang sah laku;
- Tabung hendaklah ditubuhkan oleh hospital swasta melalui suatu CLBG yang menguruskan Tabung Kebajikan Hospital Swasta tersebut;
- Penubuhan tabung hendaklah selaras dengan peruntukan Seksyen 105 Akta 586, Jadual Ketiga Belas, Peraturan-Peraturan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Lain) 2006 [P.U.(A) 138 / 2006];
- Bagi hospital-hospital swasta di bawah suatu kumpulan hospital, penyaluran dana daripada tabung adalah dibenarkan bagi kegunaan semua hospital swasta di bawah kumpulan hospital tersebut, dengan syarat sekurang-kurangnya satu Tabung Kebajikan Hospital Swasta hendaklah ditubuhkan melalui suatu CLBG di bawah salah satu daripada hospital-hospital swasta berkenaan. Penyaluran dana ini juga perlu dinyatakan secara jelas dalam objektif penubuhan tabung;
- Sebarang penyaluran dana daripada Tabung Kebajikan Hospital Swasta kepada hospital swasta lain yang bukan dalam kumpulan hospital yang sama, adalah tidak dibenarkan;
- Definisi 'kumpulan hospital' adalah berdasarkan Akta 777 tanpa mengira tanda nama perniagaan yang digunakan; dan
- Ketidakkpakaian:
Syarikat induk yang tidak memiliki lesen di bawah Akta 586 serta mempunyai pegangan saham dan kepentingan dalam beberapa hospital swasta, tidak boleh menubuhkan CLBG bagi tujuan pengurusan Tabung Kebajikan Hospital Swasta.

- c. Tabung Kebajikan Hospital Pengajar:
- Tabung hendaklah ditubuhkan oleh hospital pengajar yang layak, iaitu hospital yang memiliki Lesen Untuk Mengendalikan Atau Menyediakan Kemudahan Atau Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Borang 4 / Borang 7) bawah Akta 586 yang sah laku sahaja, termasuk:
 - (i) Hospital Pengajar Universiti Awam yang dikawal selia di bawah Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30];
 - (ii) Hospital Pengajar yang ditubuhkan oleh Universiti Teknologi MARA;
 - (iii) Hospital Pengajar yang ditubuhkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); dan
 - (iv) Hospital Pengajar yang ditubuhkan oleh Universiti Swasta.
 - Objektif tabung hendaklah semata-mata untuk kebajikan golongan sasaran dan pesakit kurang berkemampuan yang memerlukan rawatan serta perkhidmatan di hospital berkaitan sahaja serta tidak berkaitan pendidikan, penyelidikan atau aktiviti hospital yang bermotifkan keuntungan berdasarkan kepakaran perubatan.

2.2.2 Penubuhan Tabung Kebajikan Hospital hendaklah disokong dengan Peraturan Tabung atau Undang-Undang Kecil yang menetapkan penggunaan sumbangan berdasarkan jenis sumbangan kebajikan dengan jelas seperti berikut:

Bil.	Jenis Sumbangan Kebajikan	Penetapan Dasar yang Jelas Bagi Penggunaan Sumbangan
a.	Dana khas untuk pesakit	• Kriteria dan cara pemilihan benefisiari.
b.	Diskaun untuk caj atau fi	• Caj atau fi yang akan diberi secara diskaun kepada benefisiari yang terpilih.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Bil.	Jenis Sumbangan Kebajikan	Penetapan Dasar yang Jelas Bagi Penggunaan Sumbangan
c.	Wad atau katil kebajikan	• Bilangan wad atau katil yang terlibat; dan • Caj atau fi yang akan diberi secara diskaun atau percuma kepada benefisiari yang terpilih.
d.	Perkhidmatan jagaan kesihatan percuma kepada kumpulan khas (seperti orang kurang upaya, anak yatim dan penghuni rumah warga tua)	• Bilangan wad atau katil yang terlibat; dan • Caj atau fi yang akan diberi secara diskaun atau percuma kepada benefisiari kumpulan khas yang terpilih.
e.	Pemeriksaan perubatan percuma	• Jenis dan tatacara pemeriksaan, aktiviti atau perkhidmatan yang terlibat; • Caj atau fi pemeriksaan, aktiviti atau perkhidmatan yang akan diberi secara percuma; • Kekerapan pemeriksaan perubatan percuma dijalankan; • Golongan sasaran iaitu pelajar sekolah, pelajar universiti, penduduk di kawasan perumahan, penjawat awam, pekerja industri atau orang awam; • Kawasan atau tempat pemeriksaan percuma diberikan; dan • Menyimpan rekod pemeriksaan perubatan percuma.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Bil.	Jenis Sumbangan Kebajikan	Penetapan Dasar yang Jelas Bagi Penggunaan Sumbangan
f.	Pendidikan awam (seperti kem perubatan, menaja secara jagaan kesihatan, membantu dalam program pendidikan kesihatan sekolah, kempen kesihatan setempat, menganjurkan forum atau ceramah kesihatan awam dan klinik kaunseling jagaan kesihatan)	• Jenis program atau aktiviti pendidikan awam yang akan disediakan; • Kriteria dan cara pemilihan benefisiari kumpulan sasaran; • Kekerapan program atau aktiviti pendidikan awam yang akan disediakan; dan • Menyimpan rekod program atau aktiviti yang dijalankan.
g.	Pelbagai (i) Memberikan derma kepada persatuan dan organisasi yang terlibat dalam aktiviti jagaan kesihatan; (ii) Memberikan bantuan kepada organisasi bukan kerajaan atau amal dalam aktiviti jagaan kesihatan seperti penyediaan ruang, kelengkapan dan barang guna habis untuk mengendalikan pusat hemodialisis; dan	• Jenis program atau aktiviti, derma atau bantuan yang akan diberikan; • Kekerapan program atau aktiviti, derma atau bantuan yang akan disediakan; • Kriteria dan cara pemilihan benefisiari kumpulan sasaran; dan • Menyimpan rekod program atau aktiviti yang dijalankan.

Bil.	Jenis Sumbangan Kebajikan	Penetapan Dasar yang Jelas Bagi Penggunaan Sumbangan
	(iii) Menganjurkan kempen derma darah; dan (iv) Lain-lain dengan kelulusan KPHDN.	

2.2.3 Peraturan Tabung atau Undang-Undang Kecil hendaklah menyatakan jenis rawatan / peralatan perubatan yang tidak dibenarkan menggunakan dana Tabung Kebajikan Hospital seperti berikut:-

- a. Rawatan bagi masalah kemandulan (*infertility*);
- b. Kaedah rawatan yang baru dan belum terbukti keberkesananannya; dan
- c. Rawatan pembedahan estetik kecuali bagi rawatan untuk meningkatkan atau mengembalikan kefungsiannya.

2.2.4 Hospital yang menubuhkan Tabung Kebajikan Hospital hendaklah mengemukakan dokumen mengenai dasar bantuan kewangan (*Financial Assistance Policy - FAP*) hospital, sama ada secara berasingan sebagai dokumen tambahan atau dalam perlembagaan / surat ikatan amanah hospital, bagi menetapkan penggunaan dana Tabung Kebajikan Hospital berdasarkan jenis aktiviti / sumbangan kebajikan yang akan dijalankan oleh hospital, termasuk syarat dan kriteria pemilihan benefisiari yang ditentukan oleh hospital, jika ada.

2.3 Komposisi Ahli Jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital

2.3.1 Lebih daripada 50% Ahli Jawatankuasa (AJK) Tabung Kebajikan Hospital hendaklah terdiri daripada orang luar yang tidak mempunyai perkaitan dengan hospital seperti berikut:-

- a. Lantikan daripada pihak luar yang tidak mempunyai kaitan dengan urusan hospital; dan

- b. Lantikan daripada wakil jabatan lain di hospital, dengan syarat tempoh lantikan hendaklah secara giliran dan tidak boleh melebihi 2 tahun.
- 2.3.2 Lantikan daripada Ahli Lembaga Pengarah (ALP) Hospital yang bukan merupakan orang luar adalah dibenarkan, tertakluk kepada syarat komposisi tidak melebihi 50% daripada AJK Tabung Kebajikan.
- 2.3.3 Lantikan individu tertentu yang mempunyai kaitan sebagai pembekal perubatan, peralatan sokongan dan lain-lain yang boleh menimbulkan kepentingan tertentu adalah tidak dibenarkan.
- 2.3.4 ALP Hospital yang dilantik tidak boleh menerima manfaat atau saraan daripada Hospital termasuk emolumen tetap atau elaun berkaitan tugasannya sebagai ALP tersebut. Walau bagaimanapun, ALP boleh dipertimbangkan untuk tuntutan bayaran balik (*reimbursement*) yang munasabah dan berpatutan berkaitan tugas rasmi (dengan dokumen sokongan berkaitan).
- 2.3.5 Dana Tabung Kebajikan Hospital tidak dibenarkan dinikmati oleh ALP Hospital / AJK Tabung serta ahli keluarga atau mana-mana pihak yang berkepentingan dengan ALP Hospital / AJK Tabung atau mana-mana pihak yang mengendalikan hospital.

2.4 Sumber Kewangan Tabung Kebajikan Hospital Dan Penyediaan Laporan Tabung Kebajikan Hospital

- 2.4.1 Tabung Kebajikan Hospital Awam:
 - a. 50% atau lebih daripada jumlah keseluruhan sumbangan tahunan yang diterima oleh Tabung Kebajikan Hospital Awam hendaklah terdiri daripada sumbangan awam; dan
 - b. Sumbangan berupa barangan yang diterima oleh tabung tidak termasuk dalam pengiraan jumlah keseluruhan sumbangan tahunan dan penderma tidak layak mendapat resit bagi tujuan potongan cukai.
- 2.4.2 Tabung Kebajikan Hospital Pengajar:
 - a. 50% atau lebih daripada jumlah keseluruhan sumbangan tahunan yang diterima oleh Tabung Kebajikan Hospital Pengajar hendaklah terdiri daripada sumbangan awam; dan

- b. Sumbangan berupa barangan yang diterima oleh tabung tidak termasuk dalam pengiraan jumlah keseluruhan sumbangan tahunan dan penderma tidak layak mendapat resit bagi tujuan potongan cukai.

2.4.3 Tabung Kebajikan Hospital Swasta:

- a. Selain sumbangan awam, Tabung Kebajikan Hospital Swasta dibenarkan menerima sumbangan daripada syarikat subsidiari atau sebarang syarikat yang mempunyai perkaitan dengan hospital dalam kumpulan yang sama;
- b. Sekiranya jumlah sumbangan yang diterima daripada syarikat subsidiari atau sebarang syarikat yang mempunyai perkaitan dengan hospital dalam kumpulan yang sama melebihi 50% daripada jumlah sumbangan tahunan yang diterima, 20% daripada jumlah keseluruhan sumbangan tahunan yang diterima daripada syarikat subsidiari atau sebarang syarikat yang mempunyai perkaitan dengan hospital dalam kumpulan yang sama hendaklah disalurkan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) untuk kegunaan Hospital Awam;
- c. Penyaluran 20% daripada jumlah keseluruhan sumbangan tahunan yang diterima kepada KKM perlu dibuat pada setiap tahun mengikut tahun perakaunan tabung. Sumbangan kepada KKM boleh dibuat melalui cek atas nama Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia. Cek yang dikeluarkan hendaklah dikemukakan kepada:

Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4, 7 dan 8
Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya.

- d. Sekiranya pembayaran dibuat secara pindahan dana elektronik (EFT), permohonan untuk mendapatkan nombor akaun hendaklah dibuat secara rasmi kepada Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat KKM. Proses perakuan terimaan akan dilaksanakan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat KKM; dan

- e. Sumbangan berupa barangan yang diterima oleh tabung tidak termasuk dalam pengiraan jumlah keseluruhan sumbangan tahunan dan penderma tidak layak mendapat resit bagi tujuan potongan cukai.

3. PROSEDUR PERMOHONAN OLEH JAWATANKUASA TABUNG KEBAJIKAN HOSPITAL UNTUK KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP

3.1 Pihak yang layak mengemukakan permohonan untuk kelulusan KPHDN di bawah Subseskyen 44(6) ACP adalah Pengerusi Tabung Kebajikan Hospital.

3.2 Permohonan hendaklah dibuat melalui surat rasmi yang menggunakan kepala surat rasmi Tabung Kebajikan Hospital yang lengkap dengan alamat surat-menyurat, e-mel dan nombor telefon.

3.3 Dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut:

- a. Resolusi / minit mesyuarat hospital yang mengandungi:
 - (i) Objektif penubuhan Tabung Kebajikan Hospital;
 - (ii) Pelantikan AJK Tabung Kebajikan Hospital; dan
 - (iii) Maklumat sumber kewangan sedia ada.
- b. Sijil pendaftaran hospital dan sijil pendaftaran CLBG (jika berkenaan) serta lesen untuk mengendalikan atau menyediakan kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta (Borang 4 / Borang 7) bawah Akta 586 yang sah laku;
- c. Peraturan Tabung atau Undang-Undang Kecil Tabung Kebajikan Hospital yang mengandungi fasal berkenaan objektif atau jenis sumbangan kebajikan dan penetapan penggunaan sumbangan dengan dasar bertulis yang jelas. Nama, alamat, kawalan penggunaan kewangan, penyata kewangan tahunan beraudit, pelantikan dan tanggungjawab Lembaga Pentadbir / Jawatankuasa, pindaan kepada fasal dan pembubaran tabung juga perlu termasuk dalam dokumen tersebut;
- d. Senarai lengkap butiran ALP Hospital dan AJK Tabung Kebajikan Hospital termasuk nama, alamat, nombor kad pengenalan, nombor pengenalan cukai (TIN) dan jenis pekerjaan; dan

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- e. Perancangan aktiviti untuk tempoh 1 tahun akan datang termasuk golongan sasaran serta maklumat kerjasama dengan institusi atau organisasi kebajikan lain.

3.4 Mulai 15 Jun 2026, **sebarang keperluan permohonan/ pengemukaan/ penghantaran maklumat dan dokumen** yang dinyatakan di mana-mana perenggan dalam Garis Panduan ini hendaklah menggunakan perkhidmatan atas talian merujuk jenis dan kaedah dalam jadual berikut:

Jenis	Kaedah Permohonan/ Pengemukaan	
Permohonan Baharu (Tabung) dan Lanjutan Tempoh Kelulusan IOT	Permohonan Baharu (Tabung) Melalui portal HASiL, seperti langkah berikut: - Layari portal HASiL di https://www.hasil.gov.my; - Klik menu Semakan Kelulusan Derma > Perkhidmatan Atas Talian > Permohonan Baharu > Tabung	Lanjutan Tempoh Kelulusan IOT Melalui portal HASiL, seperti langkah berikut: - Layari portal HASiL di https://www.hasil.gov.my; - Klik menu Semakan Kelulusan Derma > Perkhidmatan Atas Talian > Lanjutan Tempoh Kelulusan IOT
Permohonan Kelulusan (Pindaan/ Lain-Lain) dan Pengemukaan Dokumen Tahunan/ Lain-Lain	Permohonan Kelulusan (Pindaan/ Lain-Lain) Melalui portal HASiL, seperti langkah berikut: - Layari portal HASiL di https://www.hasil.gov.my; - Klik Semakan Kelulusan Derma > Perkhidmatan Atas Talian > Pindaan Maklumat IOT	Pengemukaan Dokumen Tahunan/ Lain-Lain Melalui portal HASiL, seperti langkah berikut: - Layari portal HASiL di https://www.hasil.gov.my; - Klik Semakan Kelulusan Derma > Perkhidmatan Atas Talian > Pengemukaan Dokumen Lain-Lain IOT

B. KEWAJIPAN JAWATANKUASA TABUNG KEBAJIKAN HOSPITAL SETELAH MENDAPAT KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP

4. TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TABUNG KEBAJIKAN HOSPITAL SETELAH DIBERI KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP

4.1 Tabung Kebajikan Hospital Awam yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(6) ACP hendaklah mematuhi syarat seperti berikut:-

- a. Kutipan derma awam oleh Tabung Kebajikan Hospital Awam adalah semata-mata untuk aktiviti kebajikan seperti yang termaktub di bawah Peraturan Tabung atau Undang-Undang Kecil;
- b. Senarai penderma yang telah menderma sebanyak RM10,000.00 dan ke atas hendaklah dikemukakan kepada LHDNM dengan maklumat berikut:-
 - (i) Nama penderma;
 - (ii) Nombor pendaftaran syarikat / perniagaan / kad pengenalan / pasport dan TIN;
 - (iii) Alamat lengkap; dan
 - (iv) Amaun sumbangan dan tarikh.
- c. Laporan yang lengkap hendaklah disediakan dari semasa ke semasa dengan memberikan butiran bilangan benefisiari sebagai kumpulan sasaran secara terperinci dan peruntukan anggaran kos bagi setiap kemudahan atau perkhidmatan berkenaan yang dijalankan;
- d. Tabung tidak dibenarkan menjalankan sebarang perniagaan dan memiliki aset;
- e. Sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan yang diperoleh dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada tahun berikutnya untuk aktiviti bagi mencapai objektif tabung;
- f. Perbelanjaan operasi dan pentadbiran hendaklah diasingkan daripada perbelanjaan yang berkaitan objektif tabung. Perbelanjaan operasi dan pentadbiran yang dibenarkan adalah tidak melebihi 20% daripada keseluruhan pendapatan tahun terdahulu tabung;

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- g. Baki dana tabung yang tidak dibelanjakan boleh dibenarkan sebagai dana terkumpul;
- h. Tabung perlu membuka akaun bank yang berasingan dan mengemukakan maklumat perkhidmatan bank yang digunakan;
- i. Penyata kewangan tahunan beraudit tabung hendaklah disediakan secara berasingan daripada penyata kewangan tahunan beraudit hospital;
- j. Sesalanan penyata kewangan tahunan beraudit hendaklah dikemukakan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya;
- k. Memastikan pematuhan komposisi AJK Tabung seperti di perenggan 2.3 sepanjang tempoh kelulusan. Pemakluman awal secara bertulis perlu dibuat kepada KPHDN bagi setiap pelantikan atau pertukaran AJK Tabung;
- l. Pindaan ke atas Peraturan Tabung atau Undang-Undang Kecil Tabung hendaklah mendapat kelulusan KPHDN terlebih dahulu; dan
- m. Maklumat mengenai Tabung Kebajikan Hospital Awam serta tawaran bantuan perkhidmatan kesihatan hendaklah dihebahkan kepada orang awam. Namun, sebarang usaha bagi mendapatkan dana adalah tidak dibenarkan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian UP.7.2.5 - Pengurusan Penerimaan dan Pemberian Hadiah, Keraian dan Tajaan Dalam Perkhidmatan Awam, di mana Jabatan adalah dilarang menjalankan usaha bagi mendapatkan hadiah daripada mana-mana pihak.

4.2 Tabung Kebajikan Hospital Swasta yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(6) ACP hendaklah mematuhi syarat seperti berikut:

- a. Kutipan derma awam oleh Tabung Kebajikan Hospital, jika ada, adalah semata-mata untuk aktiviti kebajikan seperti yang termaktub di bawah Peraturan Tabung atau Undang-Undang Kecil;
- b. Senarai penderma yang telah menderma sebanyak RM10,000.00 dan ke atas hendaklah dikemukakan kepada LHDNM dengan maklumat berikut:-
 - (i) Nama penderma;

- (ii) Nombor pendaftaran syarikat / perniagaan / kad pengenalan / pasport dan TIN;
 - (iii) Alamat lengkap; dan
 - (iv) Amaun sumbangan dan tarikh.
- c. Laporan yang lengkap hendaklah disediakan dari semasa ke semasa dengan memberikan butiran bilangan benefisiari sebagai kumpulan sasaran secara terperinci dan peruntukan anggaran kos bagi setiap kemudahan atau perkhidmatan berkenaan yang dijalankan;
- d. Tabung tidak dibenarkan menjalankan sebarang perniagaan dan memiliki aset;
- e. Bagi Tabung Kebajikan Hospital Swasta yang menerima sumbangan melebihi 50% daripada syarikat subsidiari atau sebarang syarikat yang mempunyai perkaitan dengan hospital dalam kumpulan yang sama, sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan yang diperoleh dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada tahun berikutnya untuk aktiviti bagi mencapai objektif tabung. Jumlah ini adalah termasuk jumlah sumbangan yang telah disalurkan kepada KKM untuk kegunaan Hospital Awam;
- f. Perbelanjaan operasi dan pentadbiran hendaklah diasingkan daripada perbelanjaan yang berkaitan objektif tabung. Perbelanjaan operasi dan pentadbiran yang dibenarkan adalah tidak melebihi 20% daripada keseluruhan pendapatan tahun semasa tabung;
- g. Baki dana tabung yang tidak dibelanjakan boleh dibenarkan sebagai dana terkumpul;
- h. Tabung perlu membuka akaun bank yang berasingan dan mengemukakan maklumat perkhidmatan bank yang digunakan;
- i. Penyata kewangan tahunan beraudit tabung hendaklah disediakan secara berasingan daripada penyata kewangan tahunan beraudit CLBG dan penyata kewangan tahunan beraudit hospital yang berkaitan;
- n. Sesalinan penyata kewangan tahunan beraudit hendaklah dikemukakan ke LHDNM selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya;

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- o. Memastikan pematuhan komposisi AJK Tabung seperti di perenggan 2.3 sepanjang tempoh kelulusan. Pemakluman awal secara bertulis perlu dibuat kepada KPHDN bagi setiap pelantikan atau pertukaran AJK Tabung;
- j. Pindaan ke atas Peraturan Tabung atau Undang-Undang Kecil Tabung hendaklah mendapat kelulusan KPHDN terlebih dahulu;
- k. Maklumat mengenai Tabung Kebajikan Hospital Swasta serta tawaran bantuan perkhidmatan kesihatan hendaklah dihebahkan kepada orang awam, dengan syarat hebahan yang dibuat hendaklah terhad kepada maklumat mengenai ketersediaan bantuan perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan sahaja tanpa elemen pengiklanan perkhidmatan kesihatan bagi hospital swasta berkaitan, selaras dengan peraturan pengiklanan perubatan di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [Akta 290]; dan
- l. Hospital yang menubuhkan Tabung Kebajikan Hospital Swasta tidak boleh menolak pindahan pesakit dari mana-mana hospital awam tertakluk kepada keupayaan hospital serta skop kemudahan dan perkhidmatan yang dilesenkan oleh hospital swasta penerima. Kos rawatan dan perubatan yang berkenaan akan ditanggung sepenuhnya oleh tabung, tertakluk kepada baki dana tabung yang tersedia. Penangguhan sepenuhnya kos rawatan dan perubatan oleh tabung juga adalah terpakai bagi pindahan kes pesakit daripada Hospital Swasta yang dirujuk kepada hospital awam.

4.3 Tabung Kebajikan Hospital Pengajar yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(6) ACP hendaklah mematuhi syarat seperti berikut:

- a. Kutipan derma awam oleh Tabung Kebajikan Hospital Pengajar adalah semata-mata untuk aktiviti kebajikan seperti yang termaktub di bawah Peraturan Tabung atau Undang-Undang Kecil;
- b. Senarai penderma yang telah menderma sebanyak RM10,000.00 dan ke atas hendaklah dikemukakan ke LHDNM dengan maklumat berikut:-
 - (i) Nama penderma;
 - (ii) Nombor pendaftaran syarikat / perniagaan / kad pengenalan / pasport dan TIN;
 - (iii) Alamat lengkap; dan
 - (iv) Amaun sumbangan dan tarikh.

- c. Laporan yang lengkap hendaklah disediakan dari semasa ke semasa dengan memberikan butiran bilangan benefisiari sebagai kumpulan sasaran secara terperinci dan peruntukan anggaran kos bagi setiap kemudahan atau perkhidmatan berkenaan yang dijalankan;
- d. Tabung tidak dibenarkan menjalankan sebarang perniagaan dan memiliki aset;
- e. Sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan yang diperoleh dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada tahun berikutnya untuk aktiviti bagi mencapai objektif tabung;
- f. Perbelanjaan operasi dan pentadbiran hendaklah diasingkan daripada perbelanjaan yang berkaitan objektif tabung. Perbelanjaan operasi dan pentadbiran yang dibenarkan adalah tidak melebihi 20% daripada keseluruhan pendapatan tahun semasa tabung;
- g. Baki dana tabung yang tidak dibelanjakan boleh dibenarkan sebagai dana terkumpul;
- h. Tabung perlu membuka akaun bank yang berasingan dan mengemukakan maklumat perkhidmatan bank yang digunakan;
- i. Penyata kewangan tahunan beraudit tabung hendaklah disediakan secara berasingan daripada penyata kewangan tahunan beraudit hospital;
- j. Sesalinan penyata kewangan tahunan beraudit hendaklah dikemukakan ke LHDNM selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya;
- k. Memastikan pematuhan komposisi AJK Tabung seperti di perenggan 2.3 sepanjang tempoh kelulusan. Pemakluman awal secara bertulis perlu dibuat kepada KPHDN bagi setiap pelantikan atau pertukaran AJK Tabung;
- l. Pindaan ke atas Peraturan Tabung atau Undang-Undang Kecil Tabung hendaklah mendapat kelulusan KPHDN terlebih dahulu;
- m. Maklumat mengenai Tabung Kebajikan Hospital Pengajar serta tawaran bantuan perkhidmatan kesihatan hendaklah dihebahkan kepada orang awam; dan

- n. Hospital yang menubuhkan Tabung Kebajikan Hospital Pengajar tidak boleh menolak pindahan pesakit dari mana-mana hospital awam tertakluk kepada kemampuan hospital serta skop kemudahan dan perkhidmatan yang dilesenkan oleh hospital swasta penerima. Kos rawatan dan perubatan yang berkenaan akan ditanggung sepenuhnya oleh tabung, tertakluk kepada baki dana tabung yang tersedia. Penanggungungan sepenuhnya kos rawatan dan perubatan oleh tabung juga adalah terpakai bagi pindahan kes pesakit daripada Hospital Pengajar yang dirujuk kepada hospital awam.

4.4 Semua sumbangan tunai awam yang diterima oleh Tabung Kebajikan Hospital hendaklah dikeluarkan resit rasmi yang telah disahkan oleh LHDNM atau e-Invois (jika berkenaan):

- a. Resit rasmi hendaklah mengandungi maklumat berikut:-
- (i) Nama, alamat dan nombor telefon institusi atau organisasi yang menubuhkan Tabung Kebajikan Hospital;
 - (ii) Nombor siri resit rasmi yang bercetak (*pre-printed*);
 - (iii) Tarikh resit;
 - (iv) Nama penderma berserta nombor kad pengenalan / nombor passport / nombor pendaftaran perniagaan dan alamat surat menyurat penderma;
 - (v) Amaun yang didermakan;
 - (vi) Jawatan pemungut dana seperti Pengerusi atau Bendahari;
 - (vii) Catatan berikut di bahagian bawah sebelah kiri resit / ruang yang boleh dilihat dengan jelas:-

"Potongan Di Bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967:
No. Kelulusan: XXXX
Tempoh kuat kuasa: hh/bb/tttt hingga hh/bb/tttt"

(Pemakaian catatan di atas pada resit berkuat kuasa mulai 1 Januari 2027)
 - (viii) Sebarang penggunaan resit elektronik atau e-Resit perlu mendapatkan kelulusan dan kebenaran KPHDN melalui permohonan bertulis secara rasmi.

- b. Pelaksanaan e-Invois adalah terpakai kepada Tabung Kebajikan Hospital yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(6) ACP bagi transaksi penerimaan derma atau hadiah wang mengikut Garis Panduan e-Invois yang berkuat kuasa seperti berikut:
- (i) Tabung Kebajikan Hospital boleh memilih untuk melaksanakan e-Invois secara sukarela pada tarikh yang lebih awal berbanding garis masa yang ditetapkan; dan
 - (ii) Terdapat pengecualian daripada pelaksanaan e-Invois seperti mana yang dinyatakan di perenggan pengecualian daripada pelaksanaan e-Invois. Bagi kategori ini, pengeluaran resit rasmi (preprinted) adalah masih terpakai.
 - (iii) Kaedah pelaksanaan e-Invois adalah seperti berikut:
 - a) **Jika penderma meminta e-Invois:**
 - Tabung Kebajikan Hospital dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi transaksi penerimaan derma atau hadiah wang.
 - Pengeluaran resit rasmi (*pre-printed*) Subseksyen 44(6) ACP bagi transaksi penerimaan derma atau hadiah wang tidak lagi diperlukan sekiranya e-Invois telah dikeluarkan kepada penderma.
 - Tabung Kebajikan Hospital tidak perlu mendapatkan kelulusan dan kebenaran KPHDN terlebih dahulu jika e-Invois dikeluarkan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
 - b) **Jika penderma tidak meminta e-Invois:**
 - Tabung Kebajikan Hospital dikehendaki mengeluarkan resit rasmi (pre-printed) Subseksyen 44(6) ACP mengikut garis panduan yang dikeluarkan dan / atau ketetapan mengikut kelulusan yang diberikan oleh KPHDN.
 - Tabung Kebajikan Hospital menjumlahkan semua transaksi penerimaan derma atau hadiah wang secara bulanan dan menghantar e-Invois yang disatukan (*consolidated e-Invoice*) dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar bulan berikutnya.

c) Nota:

- Bagi penderma yang tidak mengemukakan maklumat lengkap, Tabung Kebajikan Hospital perlu menjumlahkan semua transaksi penerimaan derma atau hadiah wang tersebut secara bulanan dan menghantar e-Invois yang disatukan (*consolidated e-Invoice*) dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar bulan berikutnya.
- Bagi tujuan pengeluaran e-Invois (termasuk e-invois yang disatukan), butiran yang dinyatakan dalam perenggan 4.2(i)(g) garis panduan ini hendaklah dimasukkan ke dalam ruangan "Keterangan Produk atau Perkhidmatan". Maklumat tersebut hendaklah sama dengan butiran kelulusan yang terkandung dalam resit rasmi (*pre-printed*) Subseksyen 44(6) ACP.
- Mulai 1 Januari 2026, bagi penerimaan derma atau hadiah wang melebihi RM10,000 dalam satu transaksi, penderma wajib mengemukakan maklumat lengkap seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1, Garis Panduan e-Invois untuk tujuan pelaksanaan e-Invois.

5. PEMBUBARAN TABUNG KEBAJIKAN HOSPITAL

5.1 Sekiranya Tabung Kebajikan Hospital yang diluluskan dihentikan pengoperasiannya atau ditarik balik kelulusannya di bawah Subseksyen 44(6) ACP, baki dana tabung tersebut hendaklah disalurkan kepada mana-mana Tabung Kebajikan Hospital yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(6) ACP.

5.2 Tabung Kebajikan Hospital hendaklah mengemukakan bukti berkenaan penyaluran kesemua baki dana sebagaimana ditetapkan di atas kepada LHDNM.

6. KESAN PELANGGARAN SYARAT-SYARAT KELULUSAN TABUNG KEBAJIKAN HOSPITAL DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP

6.1 Setiap Tabung Kebajikan Hospital yang telah diluluskan oleh KPHDN di bawah Subseksyen 44(6) ACP akan menikmati pengecualian cukai di bawah Subperenggan 13(1)(a) Jadual 6, ACP.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 6.2** Walau bagaimanapun, cukai pendapatan boleh dikenakan kepada mana-mana Tabung Kebajikan Hospital yang melanggar syarat dan larangan kelulusan semasa dalam tempoh kelulusan KPHDN berkuat kuasa. Kadar cukai akan dikenakan mengikut jenis fail cukai yang didaftarkan dan cukai akan dibangkitkan pada tahun taksiran pelanggaran syarat itu berlaku.
- 6.3** Dalam perenggan 6.2, perkataan 'syarat dan larangan kelulusan' termasuk syarat permohonan dan tanggungjawab Tabung Kebajikan Hospital dalam garis panduan ini serta syarat kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.
- 6.4** Walau apapun dinyatakan dalam perenggan 6.2 garis panduan ini, KPHDN atas budi bicaranya boleh menarik balik kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP berdasarkan merit kesalahan sesuatu pelanggaran syarat.
- 6.5** Dalam situasi di mana Tabung Kebajikan Hospital tiada pendapatan bagi sesuatu tahun taksiran dalam tempoh kelulusan dan berlakunya pelanggaran syarat, KPHDN boleh menggunakan kuasa di bawah Seksyen 148 ACP untuk memendekkan / menarik balik status kelulusan Tabung Kebajikan Hospital di bawah Subseksyen 44(6) ACP.

7. TEMPOH MASA KELULUSAN DAN PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH KELULUSAN TABUNG KEBAJIKAN HOSPITAL DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP

- 7.1** Tempoh masa kelulusan oleh KPHDN boleh diberi sehingga sepuluh (10) tahun kepada Tabung Kebajikan Hospital yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(6) ACP.
- 7.2** Sekiranya lanjutan tempoh masa kelulusan diperlukan, Tabung Kebajikan Hospital hendaklah mengemukakan permohonan rasmi secara bertulis kepada KPHDN dalam tempoh enam (6) bulan sebelum kelulusan sedia ada tamat berserta alasan dan dokumen sokongan.
- 7.3** Lanjutan tempoh kelulusan akan diberikan pertimbangan oleh KPHDN berdasarkan semakan rekod pematuhan syarat-syarat kelulusan terdahulu dan dokumen sokongan terkini yang dikemukakan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

8. PUNCA KUASA KPHDN KE ATAS KELULUSAN SERTA PENGENAAN SYARAT-SYARAT DAN LARANGAN KELULUSAN

- 8.1 Syarat-syarat kelulusan dan tanggungjawab Tabung Kebajikan Hospital yang disenaraikan di dalam garis panduan ini tidak menghadkan atau menjejaskan kuasa KPHDN di bawah Seksyen 148 ACP berkenaan kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP.
- 8.2 Tabung Kebajikan Hospital hendaklah sentiasa mematuhi syarat dan larangan kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.
- 8.3 Garis panduan ini adalah terpakai kepada semua Tabung Kebajikan Hospital yang masih berkuat kuasa kelulusannya oleh KPHDN di bawah Subseksyen 44(6) ACP.

9. LAYANAN CUKAI KE ATAS PENDERMA TABUNG KEBAJIKAN HOSPITAL YANG DILULUSKAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP

- 9.1 Pendapatan Tabung Kebajikan Hospital sahaja yang dikecualikan daripada pengenaan cukai pendapatan. Layanan ke atas pendapatan hospital adalah tertakluk kepada kenaaan cukai pendapatan seperti dasar sedia ada.
- 9.2 Penderma yang memberi sumbangan dalam bentuk tunai kepada Tabung Kebajikan Hospital yang telah diluluskan di bawah Subseksyen 44(6) ACP dan disokong oleh resit rasmi layak mendapat tolakan daripada pendapatan agregat atas sumbangan tersebut.
- 9.3 Sumbangan berupa barangan boleh diterima oleh Tabung Kebajikan Hospital tetapi tidak layak untuk mendapat resit tolakan cukai dan potongan cukai.
- 9.4 Bagi derma atau sumbangan tunai di bawah kelulusan KPHDN, amaun pelepasan adalah terhad kepada 10% daripada pendapatan agregat individu atau syarikat.
- 9.5 Sekiranya Tabung Kebajikan Hospital melanggar mana-mana syarat kelulusan dan dikenakan cukai bagi tahun taksiran di mana pelanggaran syarat itu berlaku atau kelulusan ditarik balik, ianya tidak memberi kesan potongan cukai kepada penderma. Walau bagaimanapun, ketetapan ini tertakluk kepada kuasa KPHDN di bawah Seksyen 148 ACP.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

10. PERINGATAN PENTING

Mulai tahun taksiran 2024, sekiranya Tabung Kebajikan Hospital melanggar mana-mana syarat dan larangan yang ditetapkan, Tabung Kebajikan Hospital akan dikenakan cukai bagi tahun taksiran yang mana pelanggaran syarat berlaku walaupun tempoh kelulusan masih berkuat kuasa.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

TARIKH: 04/09/2026

s.k. LHDN.AG.600-1/7/3